

## LAMPIRAN



### **Cadangan strategi dan tindakan untuk Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES) sebelum PRU16 oleh Greenpeace:**

- 1. Memperkukuhkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), perniagaan dan hak asasi manusia melalui perbincangan dan promosi Tanggungjawab Lanjutan Pengeluar (EPR) antara 2025-2027 menerusi forum awam dan pameran amalan baik syarikat-syarikat.**

Pelaksanaan EPR merupakan hubungan penting bagi komitmen Malaysia terhadap SDG dan juga tanggungjawab syarikat-syarikat dalam menangani pencemaran plastik. Inisiatif ini akan mewujudkan platform perkongsian ilmu antara pemimpin industri dan pihak berkepentingan, memudahkan pelaporan kesan alam sekitar oleh syarikat, serta menetapkan penanda aras yang jelas bagi pematuhan EPR. Petunjuk utama akan merangkumi bilangan syarikat yang mengamalkan program EPR secara komprehensif, pengurangan kuantitatif dalam sisa plastik, dan peningkatan hak asasi manusia, khususnya dalam komuniti yang terjejas oleh pencemaran plastik. Ini

bukan sahaja akan mempromosikan EPR tetapi juga bertujuan untuk membina rangka kerja kolaboratif dan telus yang memacu tanggungjawab dalam kalangan pengeluar sambil melibatkan dan mendidik orang ramai. Melalui forum yang konsisten, matlamat yang boleh diukur, dan pengiktirafan korporat yang jelas, Malaysia akan membina asas kukuh untuk mengurangkan plastik sekali guna dan mewujudkan ekosistem pengeluaran yang lebih lestari.

- 2. Larangan plastik sekali guna di Taman Negara, taman laut dan pulau-pulau pelancongan untuk meningkatkan dan memperbaiki kebersihan di kawasan-kawasan tersebut sebelum Tahun Melawat Malaysia 2026.**

Bagi usaha Tahun Melawat Malaysia 2026, kita perlu mempertingkatkan kebersihan serta daya tarikan eko-pelancongan di Taman Negara, taman laut, dan pulau-pulau pelancongan Malaysia melalui strategi pencegahan dan pengurusan yang komprehensif. Kekurangan dalam langkah kawalan pencemaran plastik semasa harus ditangani dengan menguatkuasakan kawalan ketat terhadap plastik sekali guna di pintu masuk, mewujudkan infrastruktur pencegahan sisa yang canggih, menyediakan

infrastruktur pengisian dan penggunaan semula, serta menguatkuasakan pematuhan mandatori daripada pengendali pelancongan. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang bersih dan lestari sejajar dengan piawaian eko-pelancongan global, menonjolkan Malaysia sebagai peneraju dalam eko-pelancongan. Larangan ini akan membantu memelihara ekosistem semula jadi, mengurangkan pencemaran di habitat laut dan daratan, dan memberikan pengalaman yang lebih bersih dan menyenangkan bagi pelancong. Dasar ini akan disertai dengan kempen pendidikan awam dan perkongsian berinsentif dengan peniaga tempatan untuk mempromosikan alternatif, menggalakkan pelawat dan pihak berkepentingan untuk mengamalkan amalan lestari yang melindungi dan memperindah destinasi semula jadi Malaysia.

### **3. Malaysia akan mendesak negara-negara maju bagi mengurangkan pengeluaran plastik sekali guna dan menghentikan kolonialisme sisa plastik, untuk meraih pengiktirafan antarabangsa semasa Intergovernmental Negotiating Committee (INC-5) dan kepengerusian ASEAN**

Laporan Greenpeace International menjelang Intergovernmental Negotiating Committee (INC-4) bagi Perjanjian Plastik Global menunjukkan bahawa 87% responden Malaysia memberikan sokongan kuat terhadap langkah-langkah untuk menghentikan penggunaan plastik sekali guna dan mempromosikan penyelesaian berasaskan penggunaan semula. Malaysia mempunyai peluang unik untuk menjadi peneraju dalam menangani pencemaran plastik di ASEAN, terutama ketika bersedia



untuk memegang jawatan pengerusi ASEAN pada tahun 2025. Sebagai pengerusi, Malaysia boleh memperjuangkan inisiatif pencemaran plastik serantau dengan mendesak peraturan yang lebih ketat terhadap plastik sekali guna. Berdasarkan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN, Malaysia boleh memperjuangkan kemasukan hak alam sekitar sebagai sebahagian daripada hak asasi manusia, memastikan setiap warga negara mempunyai hak kepada persekitaran yang bersih dan selamat. Selain itu, Malaysia boleh memimpin usaha untuk mewujudkan mekanisme kerjasama rentas sempadan bagi pengurusan sisa, memudahkan perkongsian sumber, pengetahuan, dan teknologi untuk menangani sisa plastik yang sering merentas sempadan. Melalui inisiatif-inisiatif ini, Malaysia berpotensi untuk memacu kemajuan ketara dalam mengurangkan pencemaran plastik di rantau ASEAN, menetapkan contoh kepimpinan lestari yang kukuh.

**4. Malaysia akan menghentikan pemberian lesen baharu bagi pengeluaran produk plastik sekali guna atau plastik yang tidak perlu untuk beralih dan memupuk model perniagaan baharu serta pekerjaan hijau.**

Bagi mengurangkan pengeluaran plastik sekali guna di Malaysia, Kementerian Alam Sekitar akan mengenakan moratorium terhadap pengeluaran lesen baharu bagi kilang produk plastik sekali guna. Keputusan ini akan membendung perluasan industri pembuatan plastik sambil menggalakkan peralihan dan inovasi dalam alternatif yang lestari. Dengan menggalakan serta mengutamakan lesen kepada syarikat-syarikat, terutamanya usahawan atau perusahaan sosial yang melabur dalam penyelesaian sifar sisa, sistem isian semula atau produk boleh guna semula, kerajaan bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada plastik sekali guna, sekali gus mengurangkan pencemaran alam sekitar dan kos pengurusan sisa. Langkah ini juga akan menyokong matlamat ekonomi hijau negara dengan memupuk pasaran dan platform yang lebih selaras dengan amalan pengeluaran dan penggunaan lestari. Peralihan ini akan menandakan komitmen Malaysia terhadap ekonomi kitaran (circular economy) dan menggalakkan para usahawan memberi tumpuan terhadap alternatif yang lestari dan inovatif untuk plastik, sekaligus mendorong gelombang baharu industri hijau dalam landskap Barang Pengguna yang Bergerak Cepat (FMCG).

**5. Mengurangkan perbelanjaan kesihatan awam melalui penggubalan Akta Udara Bersih, menguatkuasakan piawaian kualiti udara untuk mengurangkan pencemaran udara, melindungi kesihatan awam, dan memelihara ekosistem.**

Pakar sains telah mengesan bahan pencemar PM2.5 di sekitar kemudahan industri, bersama mikroplastik, yang kedua-duanya membawa risiko kesihatan jangka panjang yang serius disebabkan oleh kesan kumulatifnya. Pendedahan kepada bahan pencemar ini dikaitkan dengan penyakit pernafasan dan kardiovaskular, ketidakseimbangan hormon, dan gangguan neurologi, yang berpotensi meningkatkan kos kesihatan awam. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES) mempunyai tanggungjawab untuk melindungi komuniti berhampiran dengan menguatkuasakan piawaian udara bersih dan memastikan operasi kitar semula tidak menjejaskan kesihatan awam. Akta Udara Bersih akan berfungsi untuk:

- Menguatkuasakan piawaian kualiti udara ambien mandatori dan mengurangkan pencemaran daripada kemudahan industri;
- Mewajibkan pemasangan sistem pemantauan udara yang canggih di dalam dan sekitar kemudahan ini, memastikan pemantauan berterusan dan masa nyata terhadap pelepasan dan bahan pencemar; dan
- Memastikan kilang, termasuk loji kitar semula sisa, mematuhi piawaian kualiti udara negara dengan pemeriksaan kerap dan mekanisme pelaporan yang telus bagi memastikan kepatuhan.

## APPENDIX



**Greenpeace Malaysia proposes strategised and actionable points for the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES) before the GE16:**

**1. Strengthen the Sustainable Development Goals (SDGs), business and human rights through discussion and promotion of Extended Producers' Responsibilities (EPR) between 2025-2027 through public forums and showcase good practices of corporations.**

The implementation of Extended Producer Responsibility (EPR) represents a critical nexus between Malaysia's commitment to the Sustainable Development Goals and corporate accountability in addressing plastic pollution. This initiative will create a platform for knowledge sharing between industry leaders and stakeholders, facilitate transparent reporting of corporate environmental impacts, and establish clear benchmarks for EPR compliance. Key performance indicators will include the number of companies adopting comprehensive EPR programs, quantifiable reductions in plastic waste,

and demonstrable improvements in human rights outcomes, particularly in communities affected by plastic pollution. This will not only promote EPR but also seek to build a collaborative and transparent framework that drives accountability among producers while educating and involving the public. Through consistent forums, measurable goals, and clear corporate recognition, Malaysia can establish a strong foundation to reduce single-use plastics and establish a more sustainable production ecosystem.

**2. To enhance and improve the cleanliness of National Parks, marine parks, and tourist islands by banning single-use plastics in the compound of these places prior to the Visit Malaysia 2026**

As part of the endeavour of Visit Malaysia 2026, we need to enhance the cleanliness and boost the eco-tourism appeal of Malaysia's National Parks, marine parks, and tourist islands. through a comprehensive prevention and management strategy. The critical gaps in current plastic pollution control measures should be addressed by implementing strict controls on single-use plastics at entry points, establishing advanced waste prevention infrastructure, setting up refill

and reuse mechanisms and enforcing mandatory compliance from tourism operators. This initiative aims to create a pristine and sustainable environment that aligns with global ecotourism standards, showcasing Malaysia as a leader in eco-tourism. By eliminating plastic waste sources, the ban will help preserve natural ecosystems, reduce pollution in marine and terrestrial habitats, and provide a cleaner, more enjoyable experience for tourists. This policy will be coupled with public education campaigns and incentivized partnerships with local vendors to promote alternatives, encouraging visitors and stakeholders alike to adopt sustainable practices that protect and enhance the beauty of Malaysia's natural destinations.

**3. To garner international recognition during the Intergovernmental Negotiating Committee (INC5) and ASEAN chairmanship, to push developed countries to cut single-use plastic production and end plastic waste colonialism.**

A Greenpeace International report ahead of the fourth Intergovernmental Negotiating Committee (INC4) meeting for a Global Plastics Treaty found that 87% of Malaysian respondents had strong public backing for measures aimed at ending single-use plastics and promoting reuse-based solutions. Malaysia has a unique opportunity to become a leader in tackling plastic pollution within ASEAN, particularly as it prepares to assume the 2025 ASEAN chairmanship. As chair, Malaysia can champion regional plastic pollution initiatives by pushing for stricter regulations on single-use plastics. Building on the ASEAN Declaration of Human Rights, Malaysia can advocate for the inclusion of environmental rights

as part of human rights, ensuring that every citizen has the right to a clean and safe environment. Additionally, Malaysia could lead in establishing cross-border cooperation mechanisms for waste management, facilitating the sharing of resources, knowledge, and technologies to tackle plastic waste that often moves across borders. Through these initiatives, Malaysia has the potential to drive significant progress in reducing plastic pollution in the ASEAN region, setting a model for sustainable leadership.

**4. To transition and cultivate new business models and green jobs by ceasing to grant new licences for the manufacturing of single-use or unnecessary plastic products in Malaysia.**

To reduce single-use plastic production in Malaysia, the Ministry of Environment



will impose a moratorium on issuing new manufacturing licences for single-use plastic products. This decision will curtail the expansion of plastic manufacturing while transitioning and encouraging innovation in sustainable alternatives. By incentivising and prioritising licences for companies, especially entrepreneurs or social enterprises investing in zero waste solutions, refill systems or reusable products, the government aims to reduce Malaysia's dependency on single-use plastics, decreasing environmental pollution and waste management costs. This measure will also support the nation's green economy goals by cultivating a marketplace and platform more aligned with sustainable production and consumption practices. The shift would signal Malaysia's commitment to a circular economy and encourage entrepreneurs to focus on sustainable, innovative alternatives to plastics, thereby driving a new wave of green industries in the Fast Moving Consumer Goods (FMCGs) landscape.

## **5. Reducing public health expenditures by passing the Clean Air Act, enforcing air quality standards to further reduce air pollution, protect public health and safeguard the ecosystem.**

Scientists have detected PM2.5 pollutants around industrial facilities, alongside microplastics, both of which pose serious long-term health risks due to their cumulative effects. Exposure to these pollutants is linked to respiratory and cardiovascular diseases, hormonal imbalances, and neurological disorders, which could ultimately drive up public health costs. The Ministry of National Resources and Environmental Sustainability (NRES) has a responsibility

to protect nearby communities by enforcing clean air standards and ensuring that recycling operations do not compromise public health. The Clean Air Act will serve the following purpose:

- To enforce a mandatory ambient air quality standard and mitigate pollution from industrial facilities;
- To mandate the installation of advanced air monitoring systems in and around these facilities, ensuring continuous, real-time tracking of emissions and pollutants; and
- Require factories including waste recycling plants to adhere strictly to national air quality standards, with frequent inspections and transparent reporting mechanisms to ensure compliance.